

Telegram: "CHIEFMIN KOTA KINABALU"

BIL.

Tolong sebutkan rujukan fail kami
dalam jawapan surat ini
(Please quote our file reference
in your reply to this letter)



JABATAN KETUA MENTERI
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)

Aras 28, Blok A,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia

Tel.: 088-369900/369901
Faks: 088-211016

Rujukan: JKM. 100-4/62
Tarikh: 02 Oktober 2020

Semua Setiausaha Tetap Kementerian;
Semua Ketua Jabatan Negeri;
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Negeri;
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan; dan
Semua Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah Kecil.

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH KEPADA PENJAWAT AWAM UNTUK MEMBENDUNG PENULARAN COVID-19

Perkara di atas dirujuk.

2. Merujuk kepada surat pekeliling Arahan Pentadbiran Kepada Penjawat Awam Untuk Membendung Penularan COVID-19 rujukan JKM. 100-4/66 bertarikh 25 September 2020 dan surat pekeliling Arahan Kuarantin Kendiri Dan Bekerja Dari Rumah Selama 14 Hari rujukan JPAN. 100-4/19/3 Jld.2 (147) bertarikh 25 September 2020, Kerajaan Negeri sekali lagi menggesa semua pihak untuk **mematuhi sepenuhnya** langkah-langkah pencegahan jangkitan COVID-19.
3. Kadar penularan wabak COVID-19 semakin meningkat di negeri Sabah. Oleh itu, Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk mengawal kehadiran penjawat awam di premis-premis Kerajaan Negeri **di tahap 50% pada setiap masa dalam tempoh 14 hari mulai 05 Oktober 2020**. Ketua Organisasi hendaklah menjadualkan semula kehadiran kakitangan di pejabat dan mengeluarkan arahan bekerja dari rumah kepada kakitangan di bawah seliaan masing-masing yang bersesuaian dengan keperluan perkhidmatan penting (*essential services*).
4. Semua penjawat awam hendaklah sentiasa mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Kegagalan untuk mematuhi SOP dan peraturan yang berkenaan boleh dikenakan tindakan tatatertib menurut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.
5. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama memerangi penularan wabak COVID-19.

Sekian,

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH"

(DATUK Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP.)
Setiausaha Kerajaan Negeri